



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN NO. 1/1998
PEMBAYARAN TUNTUTAN PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH SKIM PERLA

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling inii bertujuan memaklumkan bahawa lanjutan daripada keputusan kerajaan untuk memberi pengecualian pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia kepada majikan berdaftar dengan Majlis untuk tempoh 6 bulan berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998 hingga 11hb. Ogos 1998 seperti yang telah diumumkan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia pada 12hb. Februari 1998, Majlis tidak lagi dapat memberi jaminan bahawa pembayaran tuntutan penyedia latihan Skim PERLA akan dibayar dalam tempoh 30 hari seperti yang telah dipersetujui sebelum ini.

2. Tuntutan Pembayaran Balik Kos Latihan Oleh Penyedia Latihan Berdaftar Di Bawah Skim PERLA

- 2.1 Sebelum ini, Majlis berjanji bahawa tuntutan penyedia latihan di bawah Skim PERLA akan dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh tuntutan diterima. Dengan keputusan kerajaan mengecualikan pembayaran levi daripada majikan, Majlis tidak lagi dapat memberi jaminan bahawa sesuatu tuntutan dapat dijelaskan dalam tempoh berkenaan.
- 2.2 Dengan itu, Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya pembayaran balik kos latihan tidak dapat dibuat sekiranya baki levi majikan terbabit tidak mencukupi untuk menampung baki kos latihan yang dituntut oleh penyedia latihan. Dengan demikian, penyedia latihan dinasihatkan supaya mendapat pengesahan daripada Majlis terlebih dahulu sama ada majikan mempunyai baki levi yang mencukupi untuk menampung tuntutan yang bakal dibuat kemudian.
- 2.3 Majlis Pembangunan Sumber Manusia suka juga menasihatkan penyedia latihan Skim PERLA agar menggunakan budi bicara masing-masing dalam menawarkan program-program sama ada di bawah Skim PERLA atau Skim PROLUS kepada majikan-majikan yang terbabit bagi mengelakkan kesulitan yang mungkin berlaku.

3. Penutup

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah,
Bahagian Geran Latihan
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

